



**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 3/1976**

**Lawatan Pegawai-pegawai Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan
Galian Persekutuan Ke Pejabat Tanah (Disemak 2007)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 3/1976
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 3/1976

**Lawatan Pegawai-pegawai Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Ke Pejabat Tanah (Disemak 2007)**

Pekeliling ini bertujuan untuk memberitahu bahawa dari semasa ke semasa Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan akan menghantar beberapa orang pegawai untuk melawat Pejabat Pendaftar dan Pejabat Tanah untuk menjalankan kerja dengan tujuan membantu dalam usaha memperkemaskan lagi pentadbiran tanah.

2. Pegawai-pegawai berkenaan akan diarahkan melawat Pejabat Tanah dan Pejabat Pendaftar untuk mengetahui dan membaiki lagi hasil dan mutu kerja mengikut peruntukan perenggan 8(1)(d) Kanun Tanah Negara 1965. Kerja-kerja ini termasuklah:-

- (i) Mengumpul dan menganalisis data mengenai hasil kerja Pejabat Tanah dan membuat syor untuk menambah baik lagi hasil kerja itu;
- (ii) Mengumpul dan menganalisis data mengenai kerja yang tidak diselesaikan di Pejabat Tanah dan membuat syor untuk menyelesaikan kerja-kerja itu;
- (iii) Mengumpul dan menganalisis data mengenai kakitangan di Pejabat Tanah dan membuat syor untuk memperbaiki lagi kedudukan kakitangan;
- (iv) Mengumpul dan menganalisis maklumat-maklumat mengenai perkara-perkara (selain dari (iii) di atas) yang mempengaruhi hasil dan mutu kerja di Pejabat Tanah dan membuat syor untuk memperbaiki perkara itu;
- (v) Mengesan kesalahan-kesalahan yang dibuat dan memaklumkan kesalahan-kesalahan itu kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Pejabat Tanah serta memberitahu mereka cara-cara untuk membetulkannya;
- (vi) Menyedia dan memperkemaskan lagi prosedur-prosedur kerja untuk panduan Pejabat Tanah;
- (vii) Membantu Pejabat Tanah menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi;
- (viii) Membawa ke perhatian Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri perkara-perkara dalam Undang-undang/Peraturan-peraturan yang didapati memerlukan pindaan.

4. Tertakluk kepada persetujuan Pengarah Tanah dan Galian, pegawai-pegawai tersebut akan memaklumkan tarikh mereka akan membuat lawatan.

5. Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah adalah diminta memberi kerjasama sepenuhnya kepada pegawai-pegawai ini.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan